

NEWS CLIPPING

Event	7-ELEVEN, UNIT BRAHIM'S METERAI MOU BEKAL MAKANAN
Publication	BERNAMA
Page/ Section	EKONOMI
Date	15 APRIL 2016
Time	-

7-Eleven, Unit Brahim's Meterai MoU Bekal Makanan

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Syarikat 7- Eleven Malaysia Sdn Bhd, unit milik penuh 7-Eleven Malaysia Holdings Bhd, sudah memeterai perjanjian persefahaman dengan Brahim's SATS Food Services Sdn Bhd (BSFS) membabitkan kerjasama dalam rangkaian bekalan makanan.

BSFS yang sebelum ini dikenali sebagai Brahim's Airline Catering Sdn Bhd, adalah milik Brahim's Holdings Bhd dengan kepentingan 51 peratus.

Dalam makluman bersama kepada Bursa Malaysia hari ini, 7-Eleven dan Brahim's berkata di bawah MoU itu, BSFS akan bertindak merancang, membangun serta menghasilkan spesifikasi menu serta produk untuk dipasarkan menerusi rangkaian cawangan kedai serba guna 7-Eleven di seluruh negara.

7-Eleven akan turut menyediakan satu pusat pengedaran untuk BSFS menghantar semua produk dihasilkan syarikat itu serta mengatur aspek penghantaran produk.

"Satu kumpulan kerja bersama sudah diwujudkan bagi menyediakan kemudahan kerjasama itu dengan memantau kelancaran pelaksanaan MoU berkenaan serta kos aktiviti berkaitan akan dibiayai berdasarkan terma yang dipersetujui bersama kedua-dua pihak mengikut setiap kes," katanya.

Kedua-dua pihak itu akan bertanggungjawab memastikan kepentingan bersama mereka dilindungi dan kekal eksklusif sepanjang terma MoU berkenaan, selain terus meninjau peluang dalam bidang perniagaan lain yang boleh dibangunkan sebagai kerjasama atau hubungan perniagaan.

7-Eleven dan Brahim's juga menjangkakan MoU itu tidak memberi kesan material segera terhadap pendapatan sesaham, aset bersih sesaham, hutang, modal saham dan pegangan utama pemegang saham kedua-dua syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2016.

Setakat jam 1.50 tengah hari ini, saham 7-Eleven susut tiga sen kepada RM1.36 dengan sejumlah 7.06 juta saham bertukar tangan manakala saham Brahim's naik setengah sen kepada 91.5 sen dengan 2.96 juta saham diniagakan.

-- BERNAMA

Di Sarawak Hadapi SPM- Najib

Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Sarawak Mesti Dalam 'Geng' Sama - Najib

Pan Borneo Beri Kesan, Makna Besar Kepada Rakyat Sarawak, Kata Najib

Berita Terkini Lain

Transformasi Ekonomi, Kerajaan Perkukuh UMNO Pada PRU-14- [politik](#)

Pelabur Asing Kekal Yakin Terhadap Malaysia Meskipun Ada Usaha Jejas Nama Baik Negara- [ekonomi](#)

Pasukan Hoki Lelaki, Wanita Kebangsaan Adakan Perlawanan Jelajah Jepun- [sukan](#)

Usaha Menangani Kegagalan Jantung- [rencana](#)

Ecuador's Earthquake Death Toll Rises To 246, Some 2,527 Injured- [dunia](#)

Berita Pilihan Tertinggi

Seberang Perai Rekod 38 Hari Tanpa Hujan

Sebagai 'Apai Besar, PM Mahu Sarawak Membangun Selari Dengan Semenanjung

Dua Rakyat Malaysia Hilang Di Flores Ditemukan Lemas